

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN NAIB
CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA

MAJLIS AMBANG GRADUAN 2010

PADA 9 MEI 2010 DI KAMPUS PAUH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-wakil media

Seterusnya para pelajar tahun akhir UniMAP yang disayangi
sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

TALKING POINT :

- 1) Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, dapat kita berkumpul bersama-sama pada malam ini untuk meraikan pelajar-pelajar UniMAP yang akan bergraduasi pada bulan Ogos nanti.

- 2) Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar tahun akhir dari semua Pusat Pengajian kerana berjaya mengharungi hidup sebagai seorang mahasiswa di UniMAP selama 8 semester.

- 3) Saya amat berharap agar, pengalaman dan memori anda sebagai mahasiswa UniMAP akan mematangkan diri anda untuk berdepan dengan dunia pekerjaan kelak.

- 4) Sesungguhnya, alam pekerjaan bakal menjanjikan cabaran yang berbeza untuk anda semua, dan di sana juga anda harus lebih berdikari untuk terus maju ke hadapan.

- 5) Renungkanlah kembali siapa anda sebelum ke UniMAP, sewaktu bergelar mahasiswa dan apa pula arah dan destinasi anda selepas ini?
- 6) Adakah anda mampu menjadi apa yang anda inginkan sewaktu mula melangkah masuk ke UniMAP dahulu atau sudah tersasar jauh dari matlamat dan hala tuju hidup anda.
- 7) Besarlah harapan saya sekiranya anda terus berpegang teguh kepada misi dan visi UniMAP meskipun selepas ini anda meneruskan impian dan cita-cita di tempat lain. Harus diingat, di mana sahaja anda berada, anda tetap AHLI KELUARGA UniMAP dan pikullah tanggungjawab anda sebagai Alumni UniMAP dengan sebaiknya.

Pelajar-pelajar yang saya kasihi sekalian,

- 8) **Prof. Dr. Hamka ada berkata :**

***“Ilmu itu tiang untuk kesempurnaan akal.
Bertambah luas akal, bertambah luaslah hidup,
bertambah datanglah bahagia. Bertambah sempit***

akal, bertambah sempit pula hidup, bertambah datanglah celaka.”

Ilmu pengetahuan juga memungkinkan seseorang mendapat keredaaan Allah dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

- 9) **Rasulullah juga pernah bersabda : *"Apabila anak Adam (manusia) meninggal dunia, maka putuslah amalnya yaitu tidak dapat menambahkan pahalanya lagi, melainkan daripada tiga macam perkara, yaitu sedekah jariah, ilmu yang dapat dimanfaatkan dan anak yang soleh yang suka mendoakan untuknya".***

- 10) Kedua-dua ayat di atas ini membuktikan dengan jelas betapa pentingnya ilmu pengetahuan dalam hidup setiap manusia di dunia ini. Hanya penguasaan ilmu yang baik dan sempurna akan dapat membentuk keperibadian dan jati diri yang unggul.

- 11) Saya juga amat mengharapkan agar anda semua tidak melibatkan diri dengan gejala sosial dan negatif – ingatlah STANDARD anda sebagai seorang mahasiswa IPTA dan ingatlah ibu bapa yang telah berkorban wang

ringgit dan segala-galanya hanya untuk melihat kejayaan anak-anak.

Pelajar-pelajar yang saya kasihi sekalian,

Ayuh kita buat sedikit analisis pencapaian anda sebelum dan selepas menyertai UniMAP

ANALISIS PENCAPAIAN :

- Kemasukan ke tahun pertama – bilangan pelajar yang diambil berjumlah 510 orang.
- Daripada jumlah tersebut – majoriti pelajar yang diambil oleh UniMAP mempunyai PNGK di antara 2.00 hingga 2.99 iaitu seramai 446 orang iaitu kira-kira 87.45%.
- 49 orang atau 9.60% pula mempunyai PNGK 3.00 hingga 3.49.
- Manakala hanya 14 orang atau 2.74% menyertai UniMAP dengan keputusan kelas pertama iaitu PNGK 3.50 hingga 4.00.

- Ayuh kita bandingkan pencapaian kemasukan anda dengan pencapaian selepas 4 tahun anda bergelar mahasiswa UniMAP.
- 13.70 % atau 70 orang pelajar tahun akhir bakal bergraduasi dengan pencapaian kepujian kelas pertama iaitu PNGK 3.50 – 4.00.
- 42% atau 217 orang pula bakal bergraduasi dengan kepujian kelas kedua atas iaitu PNGK diantara 3.00 hingga 3.49. Dapat dibuktikan dari hanya lingkungan 12% yang masuk ke UniMAP dengan PNGK melebihi 3.00, tetapi 55% berjaya bergraduasi dengan PNGK melebihi 3.00. Ternyata ini satu pencapaian yang amat membanggakan.

Anak-anak sekalian,

BAGI ANALISIS YURAN PENGAJIAN PULA:

- Untuk mengambil bidang kejuruteraan, keseluruhan yuran yang dikenakan terhadap para pelajar ialah

sebanyak RM73,298 TETAPI adakah jumlah ini yang anda bayar sepanjang 4 tahun di UniMAP??

- Semestinya jawapan bagi soalan itu ialah TIDAK. Anda hanya membayar 15 peratus daripada jumlah tersebut iaitu kira-kira RM11,210 manakala jumlah yang selebihnya ditanggung oleh universiti iaitu UniMAP.
- Dan jika dibandingkan pula jumlah yuran yang dibayar oleh mahasiswa UniMAP dengan lain-lain universiti terdapat perbezaan yang cukup ketara.
- Keseluruhan yuran yang dibayar oleh pelajar UniMAP setiap semester ialah sebanyak RM1,370 manakala lain-lain universiti mengenakan kadar yuran melebihi RM1,700 bagi setiap semester.
- Untuk Yuran Kesihatan anda hanya membayar - RM 40 sahaja seorang untuk satu semester dan tiada had kekerapan dikenakan untuk anda mendapatkan rawatan.

- Untuk perbelanjaan kesihatan sahaja, pihak universiti telah membelanjakan RM 162,276 (data tahun 2007) setahun kepada klinik panel manakala perbelanjaan insurans pula sebanyak RM28 bagi setiap pelajar setiap tahun.
- Bagi yuran Pengangkutan pula, jumlah yang anda bayar pada setiap semester adalah sangat rendah iaitu RM30 yang mana jika dihitung purata bayaran sehari hanya sekitar 22 sen sahaja sehari. Dan anda juga tidak diberikan sebarang had untuk menaiki bas.
- Namun adakah anda sedar berapa jumlah yang dibelanjakan oleh universiti untuk syarikat bas setiap tahun??
- Lebih RM 2.5 juta setahun dibelanjakan kepada syarikat bas khusus untuk membolehkan anda menaiki kenderaan yang disediakan untuk ke kuliah atau makmal.

- Manakala bagi yuran Kolej Kediaman pula, seorang pelajar hanya perlu membayar RM450 bagi setiap semester iaitu kadar puratanya sehari sekitar RM3 ringgit.
- Jumlah ini termasuk penggunaan Elektrik dan Air, kos perabot, layaran internet percuma, penyelenggaraan dan kemudahan sukan.
- Anak-anak didik saya sekaliannya, dan lebih menguntungkan lagi, anda semua diberikan bantuan pinjaman sepanjang berada di UniMAP iaitu seramai 547 orang menerima pinjaman daripada PTPTN, 19 orang (agensi kerajaan / swasta / yayasan) dan hanya 68 orang sahaja yang menanggung sendiri pengajian masing-masing samaada menggunakan wang sendiri atau KWSP.
- Bagi pinjaman Jangkapendek (tabung universiti), seramai 82 orang pelajar telah diluluskan untuk menerima pinjaman tersebut dengan kos keseluruhan yang ditanggung oleh universiti ialah RM43,800.

- Namun masih ada yang berhutang dan tidak melangsaikan yuran-yuran tertunggak masing-masing yang mana sehingga 9 April lalu, seramai 44 orang pelajar masih berhutang yuran pengajian dengan kos keseluruhan RM41,790 manakala 32 pelajar masih berhutang yurang asrama (penginapan) dengan kos keseluruhan RM16,650.

APAKAH PULA KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR SEKALIAN:

- Internet Percuma Di Kolej Kediaman. Buktinya ;

UniMAP membayar sewaan berjumlah RM1.26 juta setahun bagi memastikan pelajar-pelajar mendapat kemudahan ICT yang terbaik.
- Pelajar UUM hanya diberikan kemudahan 1kb seorang manakala pelajar kita menerima 10kb seorang.
- Peralatan makmal yang canggih. Buktinya ;

Pusat Kejuruteraan telah membelajakan RM200 juta setahun bagi menyediakan peralatan terkini kepada pelajar.

- Cleanroom Terbaik di Malaysia. Buktinya ;

UniMAP merupakan satu-satunya universiti di Malaysia memiliki Cleanroom.

Universiti Sains & Teknologi Shanghai dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia menjadikan UniMAP sebagai Pakar Rujuk dalam membina Cleanroom mereka sendiri.

- Makmal / Komputer nisbah 1:1. Buktinya ;

Terdapat Pelajar-Pelajar di beberapa universiti lain terpaksa berkongsi komputer di makmal dengan nisbah 5 pelajar satu komputer. Tetapi pelajar-pelajar UniMAP tidak perlu berkongsi kerana di sini kemudahan disediakan dengan nisbah 1 komputer untuk seorang pelajar.

TIDAK KETINGGALAN, ANAK-ANAK DIHADAPAN SAYA INI JUGA BOLEH MENYERTAI PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR :

- Sehingga kini 23 pelajar terlibat di dalam program ini, 8 darinya adalah dari pelajar tahun 4 sekarang.
- Lokasi program pertukaran pelajar ialah di Finland / Indonesia
- Universiti membelanjakan purata RM20,000 seorang untuk membiayai program

PELUANG MEMENANGI ANUGERAH

- Dengan sokongan padu universiti pelajar-pelajar UniMAP turut menerima pelbagai anugerah antaranya :
 - Anugerah pingat emas pergerakan wanita UMNO Malaysia
 - Anugerah Yayasan Tuanku Fauziah
 - Biasiswa Tunku Abdul Rahman
 - Anugerah Tunku Abdul Rahman
 - Anugerah Tan Sri Khir Johari
 - Pingat Emas IEM

PELUANG MENGIKUTI PROGRAM INOVASI / PPK

- Program/Pertandingan Inovasi Pelajar
 - Robocon

- Engineering & Innovation Challenge (1 pingat : Eco-friendly award)
 - National Research & Innovation Competition (2 Silver & 3 Bronze)
- Tahun 2010 (165 program – sukan/kebudayaan/kepimpinan/kursus/bengkel)
 - Malam Anugerah Dekan/Bestari
 - Makam Malam bersama Industri
 - Makan Malam pelajar tahun Akhir di setiap PPK
 - Hampir kesemua program mendapat pembiayaan universiti sehingga 90-100%
 - Sesetengah program dibayar elaun kepada pelajar dan disediakan tempat penginapan

KOS 7-PILLARS-i

- Pihak Universiti membelanjakan sebanyak RM 270,000 untuk setiap batch kemasukan
- Bagi kemasukan kohort 2007/2008 = 510 pelajar
- Universiti mengeluarkan belanja sebanyak RM270,000 dibahagikan dengan 510 pelajar iaitu kira-kira RM627.45 seorang untuk membentuk modal insan

■ Bayangkan jika RM627.45 untuk anda seorang sebenarnya boleh di belanjakan untuk memberi makanan kepada 100 orang anak yatim.

- Terlalu banyak yang telah dibelanjakan oleh universiti untuk melahirkan graduan yang cemerlang bukan setakat akademik tetapi sahsiah, peribadi dan aktiviti kokurikulum.
- Namun apakah balasan anda sebagai pelajar kepada universiti ? Masih ada yang terus-terusan mengutuk pentadbiran universiti walaupun hanya segelintir.
- Memburukkan nama universiti. Buktinya;
 - 1) Menggunakan Laman BLOG (Friendster, Yahoogroup) /Forum untuk memburuk dan menfitnah Universiti.Terdapat 53 laman blog di kesan (Tindakan mengumpul bukti sedang dijalankan bagi tujuan tindakan mahkamah).
 - 2) Melanggar peraturan dan undang-undang universiti. Buktinya; 6 kes Pelajar Tahun Akhir

melanggar peraturan tata tertib pelajar. (Telah Selesai menjalani hukuman)

- Ayuh mahasiswa sekalian...anda bakal graduan UniMAP...ayuh...bankitlah..sadarlah...renungkanlah..dan hayatilah....
- **Bangkit dan jadi Alumni yang berguna kepada universiti**
- **Jadi anak yang berguna kepada ibubapa**
- **Jadi pelajar yang berguna kepada guru dan pensyarah**
- **Jadi masyarakat dan rakyat yang berguna kepada negara**
- **Jadilah “ Insan Kamil” yang mendokong cita-cita negara**
- **Budayakan kecemerlangan dalam diri ...**
- Akhir kata , saya sudahi dengan dua rangkap pantun :

Anak Tupai di Kayu Rendang

Burung Terbang Menyerah Diri

Pergilah Kasih Pergilah Sayang

Pandai-pandailah Menjaga Diri

Pulau Pandan Jauh ke Tengah
Tempat berteduh Puteri Bistari
Kita Bertemu Akhirnya Berpisah
Diizin Tuhan Bersua Lagi

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.